



## Konsep Mata Wang Menurut Syariah dan Hubungannya Dengan Mata Wang Kripto

*(The Concept of Money in the Shariah and Its Relation to Cryptocurrency)*

Suffian Haqiem Nor Azelan<sup>\*1</sup>, Asmak Ab Rahman<sup>1</sup>, Mohd Shahid Mohd Noh<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia

**ABSTRAK** - Kajian ini bertujuan untuk membincangkan konsep mata wang dari perspektif Syariah dan hubungannya dengan mata wang kripto. Pendekatan kajian kualitatif digunakan untuk penyelidikan ini. Data-data dikumpulkan daripada beberapa sumber seperti buku, artikel jurnal, laporan, kertas persidangan dan laman sesawang. Data-data yang diperoleh dianalisis melalui pendekatan penyelidikan penjelasan dan analisis kandungan dengan membawakan pendapat ulama dan hujah mereka tentang perkara yang dibincangkan. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa Syariah telah menggariskan syarat-syarat dan ciri-ciri tertentu untuk sesuatu itu dianggap sebagai mata wang. Dalam hal berkaitan mata wang kripto, pandangan Syariah adalah berbeza-beza berdasarkan jenis-jenis mata wang kripto dan sama ada mata wang kripto memenuhi syarat untuk dianggap sebagai mata wang ataupun sebagai aset. Di samping itu, penggunaan mata wang kripto mestilah terhindar daripada perkara yang haram di sisi syarak seperti *riba* (faedah), *gharar* (ketidakpastian) dan *maysir* (judi) sama ada ianya dilihat sebagai mata wang ataupun aset. Menurut perspektif Islam, mata wang perlu memenuhi ciri-ciri sebagai harta (*mal*) yang sah di sisi Islam (*mutaqanwinim*) serta mempunyai nilai monetari (*thamaniyyah*). Fungsi utama mata wang menurut Islam adalah sebagai medium pertukaran, pengukur nilai dan penyimpanan nilai. Tambahan pula, Syariah tidak mengehadkan mata wang kepada dirham dan dinar semata-mata. Sehubungan itu, mata wang kripto boleh dianggap sebagai alternatif kepada mata wang semasa dalam bentuk digital. Hal ini boleh menggalakkan inovasi sistem kewangan kepada sistem digital sepenuhnya sekali gus menjadikan sistem kewangan lebih pesat berdasarkan potensi yang ditawarkan sistem kewangan digital. Kajian ini boleh memberi manfaat kepada penggubal dasar dalam merangka serta mengeluarkan garis panduan dan dokumen dasar baharu berkaitan kajian yang dilakukan. Selain itu, ia juga mungkin menarik minat pihak industri, para pengguna dan pelabur mata wang kripto untuk mempunyai pemahaman yang lebih mendalam tentang mata wang kripto daripada pandangan Syariah.

### ARTICLE HISTORY

Received: 25<sup>th</sup> March 2023

Revised: 11<sup>th</sup> June 2023

Accepted: 13<sup>th</sup> June 2023

Published: 15<sup>st</sup> June 2023

### KATA KUNCI

Mata wang, wang Islam, Syariah, Mata wang kripto, fintech

**ABSTRACT** - *The purpose of this study is to examine the idea of currency from a Shariah perspective and its connection to cryptocurrencies. For this study, a qualitative research methodology was employed. A variety of sources, including books, journal articles, reports, conference papers, and websites, were used to gather the data. Through the use of content analysis and an explanatory research approach, the data collected are evaluated by bringing in the opinions and justifications of academics on the subjects under discussion. The results of this study demonstrate that the shariah has specified a number of requirements and qualities for something to be regarded as currency. Depending on the form of cryptocurrency and whether it satisfies the criteria to be classified as currency or an asset, the Shariah perspective on cryptocurrency issues varies. Additionally, whether it is viewed as a money or an asset, the usage of cryptocurrency must be avoided while engaging in activities that are prohibited by Shariah law, such as riba (interest), gharar (uncertainty), and maysir (gambling). The Islamic view is that money must have both a monetary value (thamaniyyah) and the characteristics of property (mal) that is recognised in Islam (mutaqawwim). According to Islam, money's primary roles are as a vehicle of transaction, a gauge of worth, and a repository of value. Furthermore, shariah does not restrict the use of money to just dirhams and dinars. As a result, cryptocurrencies might be seen as a digital substitute for the current currencies. This may foster the development of a fully digital financial system, which would speed up the financial system by utilising the capacity of the digital financial system. Policy makers can use this study to help them create and publish new rules and directives connected to it. Additionally, a greater understanding of cryptocurrencies from a sharia point of view may be interesting to the sector, consumers, and investors of cryptocurrencies.*

**Keywords:** *Currency, Islamic money, Shariah, cryptocurrency, fintech*

## **PENGENALAN**

Mata wang merupakan sesuatu yang tidak dapat dipisahkan daripada kehidupan seharian manusia. Segala transaksi yang melibatkan pertukaran barangan dan perkhidmatan dalam semua aktiviti ekonomi pastinya memerlukan mata wang sebagai alat pemudah cara untuk mencapai matlamat tersebut (Mansur, 2009). Begitu juga dengan sistem ekonomi moden hari ini, mata wang merupakan medium pertukaran yang dapat memudahkan proses pembangunan ekonomi sesebuah masyarakat. Wang membolehkan urus niaga perdagangan dan ekonomi dijalankan dengan cekap supaya dapat mencapai tahap pengkhususan yang optimum disertai dengan peningkatan produktiviti (Juliana, 2017). Kewujudan sistem mata wang memberikan transaksi alternatif yang lebih mudah berbanding sistem barter yang lebih kompleks dan kurang sesuai digunakan dalam sistem ekonomi moden. Kecekapan yang diperoleh dengan menggunakan wang akan menggalakkan perdagangan dan pembahagian kerja yang seterusnya akan meningkatkan produktiviti dan kemakmuran (Takiddin, 2014).

Pada zaman awal kedatangan Islam, Rasulullah SAW tidak membantah penggunaan dinar dan dirham yang digunakan masyarakat Mekah semenjak zaman jahiliah lagi (Sifat & Mohamad 2018). Perbincangan mata wang menurut perspektif Syariah boleh dilihat dalam banyak perbincangan di kalangan sarjana Islam klasik (Malik, 1994; Al-Ghazali t.t.; Ibn Taimiyah 1997; Ibn Khaldun 2004; Ibn Qayyim 1991). Majoriti sarjana Islam klasik menjelaskan bahawa mata wang merupakan sesuatu yang diterima sebagai medium pertukaran barangan dan perkhidmatan, pengukur nilai dan penyimpan nilai. Ianya tidak terhad kepada emas dan perak semata-mata. Sesuatu boleh diterima sebagai mata wang jika ianya diterima dalam adat dan kebiasaan masyarakat setempat (Malik, 1994; Ibn Taimiyah, 1997).

Penciptaan mata wang adalah untuk menyelesaikan masalah sistem barter yang digunakan pada zaman awal manusia sejak tahun 6000 sebelum masihi. Merujuk kepada Lietaer (2001), wang ialah persetujuan dalam sesebuah komuniti atau masyarakat, untuk menggunakan sesuatu sebagai medium pertukaran. Menurut sejarah, manusia telah menggunakan mata wang dalam pelbagai jenis. Antaranya mata wang berasaskan komoditi seperti garam, beras dan gula. Seterusnya, bahan logam seperti emas dan perak digunakan sebagai mata wang sehinggalah manusia menggunakan mata wang fiat yang digunakan pada masa kini. Pada masa ini, dengan perkembangan pesat

teknologi, mata wang kripto telah dicipta. Mata wang kripto yang pertama di dunia iaitu Bitcoin diperkenalkan oleh entiti bernama Satoshi Nakamoto pada tahun 2009 (Nakamoto, 2008).

Kemunculan teknologi baru dalam bidang kewangan ataupun dikenali sebagai *fintech* telah mengubah sistem-sistem tradisional sedia ada yang digunakan dalam sektor kewangan dari aspek perbankan, perkhidmatan kewangan dan pelaburan (Abd Rani et al., 2021). Mata wang kripto merupakan salah satu produk *fintech* yang memberi impak terhadap ekosistem kewangan dunia. Sebagai sebuah inovasi baharu dalam sektor kewangan, mata wang kripto mempunyai potensi yang besar untuk menjadi alternatif terhadap sistem mata wang sedia ada. Sejarah telah membuktikan bahawa sistem mata wang di dunia berubah dan berevolusi sesuai dengan kehendak dan perkembangan teknologi dalam masyarakat (Mahomed & Mohamad, 2016). Namun persoalannya, adakah mata wang kripto mampu berfungsi sebagai mata wang untuk memenuhi keperluan manusia? Dari perspektif Islam pula, adakah mata wang kripto ini harus dan boleh diterima sebagai mata wang dalam masyarakat.

Sarjana kontemporari membincangkan tentang keharusan pengguna mata wang kripto di sisi Islam (Ozиеv & Yandiev, 2018; Yuneline, 2019). Dalam hal ini, pendapat para sarjana boleh dibahagikan kepada tiga kumpulan. Golongan sarjana yang pertama cenderung mengharuskan penggunaan mata wang kripto (Adam, 2018; Justin, 2019). Kumpulan kedua adalah sarjana yang berpandangan bahawa mata wang kripto diharuskan dengan syarat-syarat tertentu (Al-Qarahdāghī, 2018; Bakar, n.d.; Kahf, 2019). Manakala golongan ketiga adalah sarjana yang mengharamkan mata wang kripto (Abū Ghuddah, 2018; Lembaga Fatwa Mesir, 2017; Selcuk & Kaya, 2021). Ciri-ciri mata wang kripto yang unik seperti sifat mata wang kripto yang tidak berpusat, nilai mata wang kripto yang mudah meruap dan risiko keselamatan terhadap harta dari aspek penggodaman atau masalah teknikal merupakan sebab utama wujudnya perbezaan dalam pandangan sarjana. Dalam perbincangan ini, mata wang kripto masih mempunyai kontroversi di kalangan sarjana Syariah dan memerlukan kajian yang intensif dan mendalam. Sehubungan itu, penyelidikan ini bertujuan untuk menjelaskan hukum mata wang kripto dari perspektif Islam dan kaitannya dengan konsep mata wang menurut perspektif Syariah.

## **SOROTAN LITERATUR**

### **Perkembangan Mata Wang Dalam Sejarah Manusia**

Mata wang merupakan pemudah cara yang amat diperlukan untuk merangsang aktiviti ekonomi dalam kehidupan seharian manusia. Fungsi mata wang bukan hanya terhad untuk memudahkan pertukaran antara barangan dan perkhidmatan, tetapi juga mempunyai peranan lain iaitu sebagai unit akaun, penyimpan nilai dan pengukur nilai (Bailey, 1995). Sistem mata wang menggantikan sistem barter yang tidak kekal lama kerana mempunyai beberapa kelemahan seperti kehendak pertukaran yang tidak serentak, kesukaran menentukan nilai, sukar dibawa serta mudah rosak. Mata wang mestilah sesuatu yang bernilai dan diterima umum sebagai alat pembayaran (Davies, 2002).

Mata wang yang digunakan manusia berubah-ubah dan berkembang seiring kemajuan pemikiran dan peradaban manusia. Sejak dahulu lagi, manusia telah bereksperimen menggunakan pelbagai jenis mata wang. Pada peringkat awal penggunaan sistem mata wang selepas berakhirnya sistem barter, peniaga menggunakan komoditi berharga yang diterima umum dalam masyarakat serta boleh digunakan dengan mudah sebagai medium pertukaran kepada penjual lain. Contoh komoditi yang digunakan sebagai mata wang sepanjang sejarah termasuklah gula, barli, garam, tembakau, beras dan makanan ruji lain yang mempunyai ciri-ciri serupa (Brown, 2007). Namun begitu, mata wang seperti ini mempunyai beberapa kelemahan tersendiri iaitu mudah rosak, tidak tahan lama, sukar dibawa, sukar disimpan dan tidak diterima secara meluas. Seterusnya mata wang komoditi digantikan dengan mata wang berasaskan logam berharga seperti emas dan perak. Pada masa kini, dunia menerima wang kertas sebagai medium pertukaran barangan dan perkhidmatan. Walaupun menerima tentangan dan kritikan semasa awal pengenalannya pada awal 90-an, mata wang kertas kekal menjadi mata wang utama sehingga hari ini (Shapiee & Zahid, 2014).

Sebahagian besar kajian sejarah membuktikan kepada kita bahawa mata wang yang digunakan pada zaman pertengahan (abad ke 5 – 15 masihi) ialah syiling logam - dengan emas dan perak menjadi dua logam yang dominan. Namun begitu menurut Al-Quran, perak telah digunakan sebagai mata wang lebih awal iaitu pada zaman Nabi Ya'qub, Nabi Yusuf dan Ashab al-Kahfi (Salmy et al., 2009). Masyarakat jahiliyah di Semenanjung Tanah Arab pada abad ke 6 masihi menggunakan dinar emas yang dikeluarkan kerajaan Rom dan dirham perak oleh kerajaan Sasan sebagai mata wang utama (Sifat & Mohamad 2018). Dinar dan dirham (Abdullah, 2016). Kurang daripada setengah abad selepas penaklukan empayar Rom dan Parsi, negara Islam secara rasmi memulakan proses menempa dinar dan dirham Islam sendiri (Exner et al., 2007).

Seterusnya pengenalan mata wang kertas yang semakin meluas menggantikan mata wang berasaskan logam seperti emas dan perak. Seawal abad kesembilan belas, wang kertas difahami sebagai mewakili rizab emas dengan pihak berkuasa iaitu kerajaan sebagai pengawal selia berpusat. Walau bagaimanapun, wang kertas tidak lagi menjadi wakil atau disandarkan nilainya kepada emas pada tahun 1970-an apabila perjanjian Bretton Woods menghadapi kegagalan (Bordo, 2017). Sehingga kini, tiada negara di dunia mengeluarkan mata wang yang disandarkan kepada emas atau perak. Wang kertas kini mendominasi urusan niaga ekonomi dan membentuk standard ukuran ekonomi dunia yang seragam (Sifat & Mohamad, 2018).

Pada masa kini, mata wang tidak hanya terhad kepada mata wang berbentuk fizikal semata-mata. Perkembangan kemajuan sistem kewangan dari segi keluasan jaringan, kepantasan transaksi, capaian kepada transaksi yang lebih mudah, pembiayaan berskala besar melalui *crowd funding* dan penggunaan teknologi *blockchain* adalah selari dengan perkembangan sistem kewangan digital di dunia (Ab Aziz & Mustafar, 2021). Sektor yang menerima kesan positif dari perkembangan ini adalah perbankan, pemindahan wang, pembiayaan, insurans, pelaburan dan pengurusan harta. Antara hasil perkembangan sektor ini adalah penggunaan mata wang yang bersifat digital dan tidak mempunyai bentuk fizikal seperti mata wang kripto (Mahomed & Mohamad, 2017).

### **Konsep Mata Wang Menurut Pandangan Islam**

Wang dalam bahasa Arab berasal dari perkataan *nuqud* yang berasal dari akar kata *naqdu* yang mempunyai beberapa pengertian iaitu: 1) barangan daripada dirham, memegang dirham dan membezakan dirham atau 2) bermaksud tunai atau pembayaran tunai. (H. Farid Wadjdy, 2007). Perkataan dinar digunakan untuk menunjukkan mata wang yang diperbuat daripada emas dan perkataan dirham untuk menunjukkan mata wang yang diperbuat daripada perak. Manakala perkataan fulus ialah mata wang dari tembaga yang digunakan untuk membeli barang yang murah (Yonifia, 2021).

Secara umumnya, Islam tidak menetapkan jenis atau bentuk khusus bagi sesuatu mata wang. Pada zaman Nabi Muhammad SAW, Baginda menerima penggunaan sistem mata wang sedia ada dan tidak memperkenalkan sistem atau jenis mata wang baharu. Walaupun Nabi Muhammad SAW dan para sahabat berhijrah ke Madinah, kedua-dua mata wang tersebut masih digunakan (Alouche, 1994). Ini berdasarkan hadis yang diriwayatkan Ibnu Umar RA, Rasulullah SAW bersabda;


*Sesuatu timbangan itu menurut timbangan penduduk Mekah, dan sukatan menurut sukatan penduduk Madinah. (Hadis Riwayat Abu Daud)*

Penggunaan kedua-dua dinar emas dan dirham perak tersebut sebagai mata wang utama diteruskan pada zaman Khulafa' al-Rasyidin dengan beberapa penambahbaikan dan pengubahsuaian seperti penambahan ukiran kalimah Allah dan Muhammad serta ukiran ayat Al-Quran. Emas dan perak digunakan sebagai mata wang dalam kerajaan Islam dari zaman kerajaan Umayyah sehinggalah kerajaan Uthmaniyah. Pada zaman kerajaan Uthmaniyah, penggunaan mata wang kertas diperkenalkan dan diterima di seluruh dunia sehinggalah pengenalan sistem mata wang fiat yang digunakan pada masa kini oleh setiap negara (Abdullah, 2016).

Imam Malik, al-Ghazali, Ibn Taimiyyah, Ibn Khaldun dan Ibn Qayyim merupakan antara sarjana Islam yang membahaskan tentang mata wang dari perspektif Islam. Menurut al-Ghazali, mata wang itu sendiri tidak mempunyai faedah. Ianya seperti cermin yang tidak dapat memantulkan dirinya, tetapi dapat memantulkan segala warna yang masuk ke dalamnya. Begitu juga mata wang hanya berguna jika ia digunakan untuk tujuan yang tertentu (al-Ghazali, t.t.). Menurut Imam Malik, penerimaan masyarakat merupakan elemen utama untuk sesuatu dianggap sebagai mata wang. Jika masyarakat bersetuju untuk menganggap dan menerima kulit haiwan sebagai mata wang, maka ianya terikat kepada hukum riba dan tidak boleh ditukarkan kepada emas dan perak secara bertanggung (Malik, 1994). Selain itu, Ibn Taimiyyah (1997) berpendapat bahawa Islam tidak menggariskan secara khusus ciri-ciri dan bentuk sesuatu mata wang. Beliau menyatakan bahawa kebiasaan dan adat setempat sebagai kuasa untuk menentukan sesuatu sebagai mata wang. Namun begitu, mata wang perlulah berdasarkan prinsip bahawa wang itu sendiri bukanlah tujuan perdagangan. Sebaliknya, mata wang adalah standard umum untuk urus niaga (Islahi, 2005). Berdasarkan pandangan ini, beliau menjustifikasikan pemilihan dinar emas dan dirham perak sebagai wang. Begitu juga, al-Ghazali (t.t.) juga berpendapat bahawa apa sahaja yang dipersetujui dalam sesebuah masyarakat boleh diterima sebagai mata wang, termasuk juga kepingan kayu atau batu (Islahi, 2001). Ini bercanggah dengan dakwaan golongan dinaris bahawa hanya emas dan perak mempunyai hak eksklusif sebagai mata wang. Mereka juga berpendapat bahawa Islam menetapkan mata wang yang sah di sisi syarak adalah emas dan perak sahaja (Hosein, 2011). Al-Maqrizi juga menolak penggunaan mata wang lain dan menegaskan bahawa hanya dinar emas dan dirham perak boleh digunakan sebagai mata wang dalam Islam (Suar et al., 2020).

Imam Malik (1994) menyatakan bahawa wang adalah sesuatu yang diterima sebagai alat pertukaran. Fungsi mata wang menurut al-Ghazali (t.t.) adalah sebagai alat pertukaran serta pengukur nilai bagi sesuatu barangan dan perkhidmatan dalam masyarakat (Yusof et al., 2016). Ibn Taimiyyah (1997) juga berpendapat bahawa mata wang tidak mempunyai manfaat tersendiri dan hanya digunakan untuk memperoleh barangan lain ataupun perkhidmatan (Islam, 2016). Sesuatu mata wang menurut Ibn Qayyim (1991) perlu mempunyai nilai yang stabil dan tidak mudah meruap bagi memastikan fungsinya sebagai pengukur nilai barangan dan perkhidmatan terjaga (Islahi, 1984). Menurut Ibn Khaldun (2004), emas dan perak diciptakan Allah sebagai pengukur nilai barangan yang berharga. Berdasarkan pandangan sarjana terdahulu, fungsi mata wang yang utama adalah sebagai medium pertukaran dan pengukur nilai.

Dalam ekonomi Islam, mata wang bukanlah satu komoditi yang boleh diperdagangkan seperti barangan dan perkhidmatan dalam ekonomi (Manan, 1986). Sebagai medium pertukaran, mata wang tidak boleh disimpan tanpa dimanfaatkan. Mata wang mesti mengalir, beredar dan berputar dalam masyarakat untuk digunakan dalam aktiviti ekonomi. Oleh itu, konsep mata wang dalam ekonomi Islam adalah konsep aliran dan bukan konsep simpanan ataupun saham (Mansur, 2009). Kegiatan penimbunan wang akan memberikan kesan yang negatif kepada produktiviti ekonomi masyarakat. Wang yang ditimbunkan tidak memberi manfaat kerana ianya tidak digunakan dalam aktiviti ekonomi masyarakat (Ghazanfar, 1997).



**Rajah 1.** Konsep mata wang menurut Islam.

### **Mata Wang Kripto Dalam Sistem Kewangan Moden**

Mata wang kripto ialah mata wang digital tidak terikat kepada regulasi oleh kerajaan pusat. Ianya bukan dikeluarkan oleh bank pusat ataupun kerajaan. Mata wang ini boleh dipindahkan dan ditukar tanpa perantaraan institusi kewangan seperti bank. Teknologi kriptografi digunakan dalam mata wang kripto untuk menjamin transaksi, mengekalkan penciptaan unit baharu dan mengesahkan pemindahan aset (Dong, 2020; Houben & Snyers, 2018). Pengguna mempunyai kebebasan sepenuhnya dalam perlombongan, pertukaran, dan pemindahan kepada pihak lain kerana mana-mana bank pusat negara tidak mengawalinya. Sesetengah negara seperti Argentina, Thailand dan Australia memanggilnya mata wang digital, manakala ia dipanggil komoditi maya di Kanada, China dan Taiwan, dan dianggap sebagai aset maya di Honduras dan Mexico (Pusat Penyelidikan Undang-undang Global [GLRC], 2018).

Kemunculan Bitcoin pada tahun 2009 merupakan batu loncatan penggunaan dan penerimaan terhadap mata wang kripto yang makin meluas di dunia. Menurut Nakamoto (2009), wang tunai elektronik berasaskan *peer-to-peer* membolehkan satu pihak melakukan pembayaran secara dalam talian kepada pihak yang lain secara terus tanpa perlu melalui medium perantaraan seperti institusi kewangan. Berbeza dengan mata wang fiat yang diterbitkan dan dikawal selia oleh kerajaan, mata wang kripto mempunyai ciri-ciri yang sebaliknya (Mahomed & Mohamad, 2016).

**Jadual 1.** Pasaran Mata Wang Kripto (Coin Market Cap (2023))

#	Name	Price	1h %	24h %	7d %	Market Cap (€)	Volume(24h) (€)	Circulating Supply (€)	Last 7 Days
1	Bitcoin (BTC)	\$25,849.27	+0.30%	+2.12%	+4.44%	\$501,442,272,425	\$19,790,455,050 746,957 BTC	19,388,700 BTC	
2	Ethereum (ETH)	\$1,750.79	+0.23%	+4.67%	+7.42%	\$210,493,315,315	\$10,712,884,200 6,104,873 ETH	120,227,838 ETH	
3	Tether (USDT)	\$1.00	+0.01%	+0.06%	+0.03%	\$83,411,458,096	\$39,103,493,035 39,078,986,951 USDT	83,361,513,300 USDT	
4	BNB (BNB)	\$237.96	+0.08%	+7.90%	+22.30%	\$37,087,671,932	\$1,052,335,924 4,422,725 BNB	155,854,700 BNB	
5	USD Coin (USDC)	\$1.00	+0.01%	+0.01%	+0.02%	\$28,368,708,842	\$5,526,318,832 5,526,119,038 USDC	28,368,683,796 USDC	
6	XRP (XRP)	\$0.5073	+0.13%	+5.14%	+7.63%	\$26,373,358,274	\$2,081,051,719 4,106,703,629 XRP	51,987,017,573 XRP	
7	Cardano (ADA)	\$0.2876	+0.23%	+8.81%	+29.38%	\$9,341,275,005	\$1,245,380,108 4,638,340,341 ADA	34,903,991,628 ADA	
8	Dogecoin (DOGE)	\$0.06166	+0.10%	+11.48%	+15.32%	\$8,614,878,659	\$698,404,979 14,596,294,080 DOGE	139,715,776,384 DOGE	
9	TRON (TRX)	\$0.06923	+0.37%	+2.60%	+15.33%	\$6,238,799,781	\$372,243,428 5,373,889,486 TRX	90,320,308,177 TRX	
10	Solana (SOL)	\$15.62	+0.76%	+8.11%	+26.37%	\$6,222,412,525	\$1,187,335,056 76,320,697 SOL	398,486,129 SOL	

Perkembangan pesat penggunaan mata wang kripto membawa kepada kemunculan beribu lagi jenis mata wang kripto selain Bitcoin. Nilai pasaran mata wang kripto juga berkembang disebabkan semakin ramai pengguna yang menggunakannya. Antara mata wang kripto yang paling terkenal dan diterima baik ialah Bitcoins (BTC), Ethereum (ETH), Tether (USDT) dan BNB (Giudici et al., 2020). Di sebalik perkembangan mata wang kripto yang pesat di seluruh dunia, penyelidik, pelabur, dan peminat mata wang kripto masih meneroka isu kemaruhan mata wang kripto. Nilai mata wang kripto yang mudah meruap adalah sesuatu yang berisiko kepada pengguna sama ada mendatangkan keuntungan atau kerugian (Bouri et al., 2021).

Mata wang kripto merupakan salah satu hasil inovasi *fintech* yang makin diterima secara meluas di seluruh dunia termasuklah Malaysia. Perkembangan mata wang kripto memberi kesan kepada ekonomi sedia ada sama ada dari sudut positif mahupun negatif. Sebagai mata wang baru yang dikatakan boleh menjadi alternatif kepada sistem mata wang sedia ada, kemampuan mata wang kripto untuk menjalankan fungsi sebagai mata wang masih menjadi perbincangan (Bohme et al., 2015). Mata wang kripto seperti Bitcoin, *Ethereum*, *XRP*, *Bitcoin cash* dan *Tether* merupakan antara mata wang yang berasaskan sistem *peer-to-peer*. Ianya merupakan mata wang yang bersifat digital dan bukannya fizikal seperti wang kertas yang ada pada hari ini. Istilah kripto merujuk kepada kriptografi yang merupakan instrumen yang digunakan dalam *blockchain* bagi membolehkan mata wang tersebut berfungsi sebagai medium pertukaran atau penyimpanan nilai. Kebanyakan mata wang kripto ditawarkan dalam jumlah yang terhad supaya mempunyai daya tahan terhadap inflasi dan boleh diperolehi dengan cara-cara tertentu seperti melalui perdagangan atau *mining* (Ozиеv & Yandiev, 2017).

Ciri utama mata wang kripto yang membezakannya dengan mata wang fiat adalah sistemnya yang tidak berpusat dan menghalang sesuatu kuasa atau kerajaan untuk mengawalnya secara penuh. Mata wang kripto berpotensi menggantikan atau menjadi alternatif kepada sistem pembayaran sedia ada (Bohme, 2015). Mata wang kripto dilihat boleh menjadi medium pertukaran yang lebih baik berbanding mata wang sedia ada dari sudut kecekapan dan kelancaran transaksi (Evans, 2015). Namun begitu, nilainya yang mudah meruap dan tidak stabil menjadikan mata wang

kripto tidak boleh berfungsi sebagai pengukur nilai dan penyimpan nilai yang baik. Selagi nilai mata wang kripto dipengaruhi oleh spekulatif dan manipulasi dalam pasaran, ianya tidak mampu untuk bersaing dengan sistem mata wang sedia ada (Ciaian et al., 2016).

Beberapa negara seperti Australia, Kanada, Perancis, Amerika Syarikat, Singapura, Jepun, UK, Switzerland dan Malaysia membenarkan penggunaan mata wang kripto seperti Bitcoin, *Litecoin* dan *Altcoin*. Sesetengah negara seperti Algeria, Bolivia, Mesir, Maghribi, Nepal, Pakistan dan Vietnam melarang penggunaan, perlombongan atau sebarang transaksi melalui mata wang kripto. Selain itu, sebahagian negara seperti Bangladesh, Iran, Thailand, Lithuania, Lesotho, China, dan Colombia, tidak menghalang atau melarang penggunaan mata wang kripto. Namun, mereka mengehadkan penggunaan mata wang kripto secara tidak langsung untuk digunakan oleh institusi kewangan dalam urus niaga. Negara seperti China, Venezuela, Antigua dan Barbuda, dan Ireland mencipta mata wang kripto mereka yang tersendiri (GLRC, 2018).

Mata wang kripto terdiri dalam bentuk digital sepenuhnya, manakala mata wang fiat yang digunakan sekarang boleh digunakan dalam bentuk fizikal ataupun digital. Tambahan pula, mata wang kripto menyediakan kemudahan transaksi berasaskan sistem tidak berpusat di mana ia tidak memerlukan kebenaran daripada bank pusat dari aspek kawalan dan urus niaga. Sebaliknya, penggunaan mata wang fiat memerlukan kebenaran daripada bank pusat atau bank yang diberi kuasa untuk membenarkan transaksi tersebut. Dari aspek penciptaan mata wang, mata wang kripto mempunyai ciri-ciri kompetitif kerana ianya boleh dikeluarkan oleh individu atau syarikat persendirian. Manakala mata wang fiat dikeluarkan oleh kerajaan pusat atau institusi kewangan yang diberi kuasa seperti bank pusat. Ciri-ciri ini menunjukkan keunikan mata wang kripto berbanding sistem mata wang lain seperti wang tunai, wang komoditi (emas), e-wang dan sebagainya (Nabilou, 2019).

### **Perspektif Syariah Terhadap Mata Wang Kripto**

Inovasi berasaskan teknologi yang berkait rapat dengan sektor kewangan pada masa ini telah mewujudkan sistem penggunaan mata wang yang baru. Selain mata wang kertas, masyarakat mula beralih arah menggunakan mata wang yang bersifat digital seperti *e-money* dan mata wang kripto. Sistem kewangan tradisional telah berubah dengan kehadiran teknologi kewangan ataupun dikenali dengan istilah *fintech*. Kewangan Islam juga beradaptasi dengan *fintech* dan mengambil manfaat darinya selagi tidak mempunyai unsur-unsur yang haram seperti riba, judi, *gharar*, penipuan dan sebagainya. Berdasarkan prinsip Syariah Islam, asas dalam muamalat adalah harus melainkan ada dalil yang melarang perkara tersebut. Prinsip ini memberi ruang yang luas dan fleksibel bagi inovasi dalam produk dan amalan kewangan Islam. Sehubungan itu, pada asasnya mata wang kripto merupakan sesuatu yang harus dalam Islam. (Laldin & Furqani, 2019)

Para ulama mempunyai pandangan yang berbeza terhadap mata wang kripto di mana sebahagiannya mengharuskan, dan sebahagian lagi mengharamkan mata wang kripto (Siswantoro et al., 2020; Yuneline, 2019). Pada masa yang sama, sesetengah ulama berpendapat bahawa mata wang kripto boleh dianggap sebagai mata wang seperti mata wang fiat, manakala sesetengah ulama menolak mata wang kripto sebagai mata wang. Bakar (n.d.), 'Alī el-Garī (Justin, 2019) dan Adam (2018), merupakan antara sarjana yang mengharuskan mata wang kripto. Manakala menurut Asif (2018), pendapat yang mengharamkan mata wang kripto adalah pandangan 'Abd Sattār Abū Ghuddah (2018), 'Alī Muḥyī al-Dīn al-Qarahdāghī (2018), Dār al-Iftā al-Miṣriyyah (Lembaga Fatwa Mesir, 2017), Majlis Tinggi Hal Ehwal Ugama Turki (2017) dan (Selcuk, & Kaya, 2021).

Menurut 'Alī el-Garī (Justin, 2019), mata wang kripto adalah serupa seperti mata wang lain. Begitu juga, Adam (2018) mendapati bahawa penerimaan sebagai mata wang sudah cukup untuk menganggap sesuatu sebagai mata wang dari perspektif Syariah. Beliau berpandangan bahawa nilai mata wang kripto dan nilai moneterinya datang daripada pembelian, penerimaan, pertukaran dan perdagangan di kalangan pengguna. Berdasarkan konsep *ta'āmul* (penggunaan umum) dan *iṣtilāḥ* (persetujuan sosial), mata wang kripto layak dianggap sebagai mata wang. Kahf (2019) menyatakan bahawa Bitcoin sah digunakan seperti mata wang lain dan harus mengikut



rukun-rukun barang ribawi. Selain itu, Bakar (n.d.) menyatakan bahawa mata wang kripto adalah medium pertukaran untuk komuniti tertentu. Namun begitu, ciri-ciri yang terdapat pada mata wang kripto tidak memenuhi kriteria untuk menjadi mata wang. Bagaimanapun, beliau berpendapat jika kebanyakan negara dan bank pusat menerima serta mengawal selia mata wang kripto sebagai mata wang, ianya boleh menjadi mata wang. Malahan penggunaan mata wang kripto lebih menepati Maqasid Syariah berbanding mata wang fiat yang digunakan sekarang. (Rani, 2019)

Terdapat sebahagian pendapat yang menolak dan mengharamkan mata wang kripto di sisi syarak. *Dār al-Iftā' al-Misriyyah* mengharamkan mata wang kripto kerana ianya tidak diterbitkan mana-mana kerajaan dan bukannya alat pembayaran yang diterima umum. Begitu juga *Dār al-Iftā' al-Filistiniyyah* dan *Majlis Ulama Afrika Selatan* yang menolak penggunaan mata wang kripto seperti Bitcoin kerana ianya tidak mempunyai nilai monetari, tidak dikeluarkan kerajaan dan tidak boleh digunakan sebagai mata wang yang sah (Abubakar, 2018). Zulkifli Mohamad (2018) bekas Mufti Wilayah Persekutuan mengeluarkan fatwa bahawa Bitcoin tidak memenuhi ciri-ciri mata wang Islam dan boleh memberikan impak negatif kepada ekonomi negara. Namun fatwa ini boleh berubah jika struktur aplikasi Bitcoin ditambah baik dari sudut keselamatan, kawal selia, pengeluaran dan kestabilan nilai. *Majlis Tinggi Hal Ehwal Ugama Turki* (Selcuk & Kaya, 2021) mengeluarkan fatwa bahawa mata wang kripto tidak memenuhi kriteria mata wang iaitu perlu dikawal oleh kerajaan atau bank pusat ataupun mempunyai nilai intrinsik seperti emas dan perak. Mata wang kripto tidak dikawal oleh mana-mana kerajaan atau bank pusat dan tidak mempunyai nilai intrinsik. Sehubungan itu, mata wang kripto adalah tidak patuh Syariah dan tidak terikat kepada peraturan berkaitan mata wang. Menurut 'Alī Muḥyī al-Dīn al-Qarahdāghī (2018), mata wang kripto bukan mata wang mahupun aset kerana ia tidak mewakili aset sebenar dan tidak diguna pakai oleh kerajaan. Walau bagaimanapun, mata wang kripto boleh dianggap sebagai mata wang untuk sesebuah negara jika mata wang kripto diterima dan dikawal selia oleh kerajaan dan kerajaan menganggapnya sebagai mata wang secara sah dari sudut undang-undang dan ekonomi (Adam, 2019).

## **METODOLOGI KAJIAN**

Pendekatan penyelidikan kualitatif diguna pakai untuk mencapai objektif kajian ini. Penyelidikan kualitatif sesuai digunakan dalam kajian ini memandangkan kajian ini mengetengahkan konsep mata wang dari perspektif Syariah dan melihat hubungannya dengan mata wang kripto yang merupakan subjek utama dalam kajian ini. Untuk mendapatkan maklumat mengenai mata wang kripto dari perspektif Syariah, penyelidik mengkaji penulisan sarjana Islam klasik dan kontemporari yang terkemuka dalam membincangkan mata wang dan isu-isu berkaitan yang diperlukan dalam kajian ini. Data dan maklumat berkaitan mata wang kripto dari perspektif Syariah diperoleh daripada pendapat ulama kontemporari, fatwa, jurnal dan kertas persidangan. Selain itu, maklumat dan data tentang konsep mata wang kripto di kumpul melalui pelbagai sumber seperti buku, jurnal, laporan, kertas persidangan dan beberapa laman sesawang yang boleh dipercayai. Dalam pengumpulan data, penyelidik memberi tumpuan kepada sumber rujukan yang relevan dan berguna untuk memenuhi objektif penyelidikan. Penyelidikan ini melihat pendapat yang mengharuskan dan juga yang mengharamkan mata wang kripto sambil mempertimbangkan pandangan kedua-duanya dengan adil dan saksama.

Dalam penyelidikan ini, pendekatan penyelidikan penjelasan digunakan bagi menganalisis data bagi membantu penyelidik untuk memahami subjek kajian dengan lebih meluas dan mendalam (Cooper & Schindler, 2006; Jonker & Pennink, 2010). Pendekatan penyelidikan penjelasan membantu penyelidik untuk menghuraikan kedua-dua konsep mata wang Islam serta mata wang kripto. Menggunakan pendekatan ini, penyelidik dapat menganalisis dan mengeluarkan konsep mata wang menurut Islam berdasarkan pandangan sarjana Islam semasa dan terdahulu. Selain itu, penyelidik juga menganalisis fatwa-fatwa semasa berkaitan mata wang kripto untuk meneliti perbincangan mata wang kripto dari perspektif Syariah. Di samping itu, kajian ini menggunakan

kaedah analisis dokumen dengan meneliti konsep-konsep mata wang Islam serta mata wang kripto dan seterusnya mencari hubungan mata wang kripto sebagai mata wang dari perspektif Syariah.

## **PERBINCANGAN KAJIAN**

### **Konsep Mata Wang Menurut Syariah dan Hubungannya Dengan Mata Wang Kripto**

Walaupun kerajaan atau bank pusat tidak mengawal selia mata wang kripto secara berpusat, ianya tidak bermakna mata wang kripto tidak boleh digunakan sebagai mata wang. Sebaliknya, ia merupakan ciri unik mata wang kripto berbanding mata wang tradisional. (Ali et al., 2014). Selain itu, mata wang kripto memenuhi beberapa ciri mata wang seperti ketahanan, kebolehan guna, mudah alih, mudah diterima dan penyimpan nilai. Nilai pada mata wang kripto berdasarkan sandaran terhadap perkiraan serta algoritma matematik dan tidak bergantung pada badan berautoriti seperti bank pusat ataupun harta fizikal seperti emas atau perak. Oleh itu, kepercayaan dan penerimaan pengguna mewujudkan nilai mata wang kripto kerana mereka bersedia menerima mata wang kripto sebagai kaedah pembayaran (Adam, 2018).

Sistem mata wang berkembang daripada komoditi, kemudian berubah kepada emas dan perak dan seterusnya mata wang kertas (fiat). Teknologi moden telah mengubahnya kepada mata wang yang bersifat digital seperti mata wang kripto. Walaubagaimanapun, persoalan utama ialah sama ada mata wang kripto boleh memainkan peranan serupa dengan mata wang lain seperti mata wang fiat, e-wang dan lain-lain. Untuk menjawab persoalan ini, konsep mata wang kripto harus dianalisis berdasarkan pandangan ulama mengenai keharusannya. Beberapa kajian telah dilakukan bagi melihat pendapat ulama terhadap mata wang kripto.

Dari aspek fungsi mata wang, ulama bersepakat bahawa fungsi utama mata wang adalah sebagai medium pertukaran. Antara yang berpandangan seperti itu ialah (Malik, 1994; al-Ghazali, t.t.; Ibn Taimiyyah, 1997; Ibn Khaldun, 2004; Ibn Qayyim, 1991) secara jelas menyatakan bahawa fungsi utama mata wang adalah sebagai alat pertukaran (Wartoyo & Haerisma, 2022). Selain itu, mata wang di dalam Islam juga berfungsi sebagai pengukur nilai bagi sesuatu barangan yang berharga. Al-Ghazali (t.t.) menyatakan bahawa Allah menciptakan emas dan perak sebagai hakim dan pengukur nilai terhadap harta. (Rahman & Joni, 2017). Hasan (2002) menjelaskan bahawa mata wang adalah alat yang digunakan manusia sebagai pengukur nilai dan medium pertukaran. Mata wang juga berfungsi sebagai penyimpan nilai yang bermaksud ianya boleh disimpan dalam tempoh masa yang panjang dan boleh digunakan pada masa hadapan. Menurut al-Ghazali, logam yang tahan lama seperti emas dan perak digunakan sebagai mata wang kerana nilainya yang kekal dan berterusan (Rahman & Joni, 2018).

Ibn Khaldun juga menegaskan bahawa emas dan perak diterima sebagai mata wang dalam Islam kerana kedua-duanya boleh mengekalkan nilai dalam tempoh masa yang lama. (Rahman, 2004).

Bagi membahaskan sama ada mata wang kripto boleh dianggap sebagai mata wang ataupun tidak, ianya perlu memenuhi ciri-ciri dan fungsi mata wang (Didenko & Buckley, 2018). Ciri yang pertama adalah boleh digunakan sebagai medium pertukaran di mana ianya diterima umum masyarakat sebagai alat pembayaran bagi memperoleh sesuatu barangan atau perkhidmatan di antara dua pihak. Seterusnya, mata wang kripto perlu mempunyai sifat dan ciri penyimpanan nilai yang baik untuk diterima sebagai mata wang. Ianya bermaksud mata wang kripto boleh digunakan untuk membeli sesuatu pada masa ini ataupun pada masa hadapan. Akhir sekali, ciri yang paling penting ialah unit akaun di mana ia perlu menjejaki keuntungan dan kerugian perniagaan melalui pengiraan matematik. Selain itu, ia sepatutnya dapat membandingkan dan mengukur nilai sesuatu barangan dan perkhidmatan lain (Perkins, 2018).

Sebagai medium pertukaran, mata wang berfungsi untuk memudahkan transaksi pertukaran barangan atau perkhidmatan dalam kalangan pengguna. Oleh itu, mata wang mesti mempunyai ciri-ciri berikut iaitu diterima oleh majoriti dalam kumpulan di rantau tertentu, mempunyai nilai yang stabil dan tidak mudah berubah secara ekstrem, dipercayai oleh pemegangnya, diseragamkan, mudah untuk dipindahkan, tahan lama dan tidak mudah rosak serta

mempunyai sistem jaringan keselamatan (Wartoyo & Haerisma, 2022). Mata wang kripto seperti Bitcoin digunakan sebagai alat pembayaran dalam komuniti tertentu walaupun ianya bukan *legal tender* yang dikeluarkan oleh mana-mana kerajaan. Beberapa syarikat besar di dunia seperti Tesla, Uber, PayPal, Microsoft, Mastercard dan Apple sudah pun menerima mata wang kripto seperti Bitcoin sebagai medium pembayaran. Namun begitu, harga barangan dan perkhidmatan yang ditawarkan masih diukur dengan mata wang fiat (England & Fratrick, 2018). Sehubungan itu, dapat disimpulkan bahawa mata wang kripto boleh berfungsi sebagai medium pertukaran bagi memperoleh barangan dan perkhidmatan.

Seterusnya, mata wang adalah sebagai unit akaun ataupun pengukur nilai. Menurut Ibn Taimiyyah (t.t), fungsi sebenar mata wang adalah sebagai kayu ukur atau penanda aras dalam menentukan nilai sesuatu barangan atau harta. Sebagai unit akaun, mata wang berfungsi untuk menentukan nilai atau harga sesuatu barang atau objek yang hendak diurusniagakan. Selain itu, mata wang juga boleh menjadi pengukur untuk menentukan berapa banyak harta yang dimiliki oleh seseorang. Sesuatu unit akaun mestilah diterima secara meluas penggunaannya dan mempunyai nilai yang seragam (Quoc, 2021). Walaupun mata wang kripto seperti Bitcoin diterima sebagai alat pembayaran, peniaga masih menyebut harga barangan dalam mata wang fiat seperti Ringgit ataupun Dolar. Malahan sesetengah peniaga akan menukar mata wang kripto yang diperolehi kepada mata wang fiat dengan segera bagi mengelakkan turun naik harganya (Lo & Wang, 2014). Hal ini menunjukkan mata wang kripto tidak memainkan peranan sebagai unit akaun dan pengukur nilai kerana nilainya yang tidak stabil.

Fungsi ketiga mata wang ialah sebagai unit penyimpan nilai. Mata wang juga membolehkan manusia menyimpan kekayaan di mana kekayaan tersebut boleh digunakan pada masa hadapan sebagai modal dalam menjalankan usaha mencipta nilai tambah. Sebagai penyimpan nilai, sesuatu mata wang itu mestilah boleh disimpan dalam tempoh masa yang lama dan mengekalkan nilainya, boleh digunakan pada masa hadapan sebagai modal untuk penjana keuntungan dan mudah dicairkan. Nilai mata wang kripto yang tidak stabil dan terdedah kepada spekulasi mencacatkan fungsinya sebagai penyimpan nilai.


Syarat-syarat mata wang menurut Islam adalah perlu bebas daripada unsur yang haram iaitu riba, *gharar* dan *maysir*. Secara umumnya, mata wang kripto itu sendiri tidak mempunyai unsur-unsur tersebut. Mata wang kripto dianggap sebagai barang ribawi sekiranya ia dianggap sebagai mata wang ataupun nilainya disandarkan kepada barang ribawi seperti emas dan perak ataupun mata wang fiat. Pendapat yang menyatakan mata wang kripto mempunyai unsur *gharar* adalah kerana nilainya yang mudah meruap dan tidak stabil. Namun begitu, nilai yang tidak stabil dan meruap bukanlah *gharar*, tetapi risiko (*khatar*) yang juga wujud dalam penggunaan mata wang lain seperti mata wang fiat serta emas dan perak. Elemen spekulasi juga tidak menjadikan penggunaan mata wang kripto sebagai perjudian (*maysir*). Hal ini kerana mata wang kripto tidak dicipta bagi tujuan perjudian, namun ianya dijadikan sebagai alat spekulasi untuk mengumpul kekayaan (Adam, 2019). Hal ini sama seperti praktis yang diamalkan dalam pasaran saham. Malahan, mata wang fiat serta emas dan perak juga tidak lari daripada digunakan sebagai alat spekulasi bagi mendapatkan keuntungan.

Mata wang menurut Islam mestilah merupakan sesuatu yang bernilai dan berharga. Berdasarkan perbincangan ulama, terdapat dua syarat utama untuk sesuatu diterima sebagai harta menurut Islam. Pertama, ianya mestilah sesuatu yang diingini masyarakat dan terdapat permintaan terhadapnya. Kedua, ianya memenuhi ciri-ciri untuk diterima sebagai harta seperti boleh dimiliki, boleh dikuasai, boleh dimanfaatkan, boleh dimiliki dan dipindah milik (Rosele et al., 2022). Mata wang kripto mempunyai ciri-ciri harta kerana ianya diingini, terdapat permintaan, boleh dimiliki dan dikuasai serta boleh dipindah milik. Darul Ulum Zakaria dan sebahagian ulama Afrika Selatan menerima mata wang kripto sebagai harta (*mal*) walaupun ianya tidak diregulasi mana-mana kerajaan pusat. Muntadā al-Iqtisād al-Islāmi menyatakan bahawa mata wang kripto seperti Bitcoin merupakan harta yang *mutaqawwim* (Rani, 2019).

Pada asasnya, *taqawwum* bermaksud sesuatu harta mestilah sah di sisi Syariah bagi

membolehkan ianya dianggap sebagai harta. Mata wang kripto merupakan mata wang secara digital dan dibuktikan pemilikan melalui lejar awam dalam talian, tiada bukti atau premis yang menunjukkan ianya menyalahi undang-undang Syariah ataupun undang-undang sesebuah kerajaan (Irfan & Ahmed, 2019). Justeru, pendapat yang menerima mata wang kripto sebagai harta berpandangan mata wang kripto menepati ciri-ciri harta yang disebutkan. Terdapat keinginan dan permintaan terhadap mata wang kripto di samping ianya mempunyai bukti pemilikan serta merupakan sesuatu yang sah menurut Syariah.

Dari aspek *thamaniyyah*, sesuatu mata wang hendaklah diterima umum sebagai mata wang dalam masyarakat, diiktiraf dan diterima oleh kerajaan, ataupun dikeluarkan dan dicetak sendiri oleh kerajaan. Ciri *thamaniyyah* juga melihat kepada dua aspek utama itu sebagai pengukur nilai yang berdiri sendiri dan unit akaun. Nilai yang stabil merupakan aspek penting bagi fungsi pengukur nilai dan unit akaun. Walaupun mata wang kripto diterima sebahagian perniagaan sebagai alat pembayaran, namun nilai sesuatu barangan atau perkhidmatan tersebut masih disandarkan kepada mata wang fiat. Hal ini kerana peniaga tidak yakin kepada nilai mata wang kripto yang tidak stabil dan mudah meruap (Adam, 2019). Sehubungan itu, mata wang kripto boleh dianggap sebagai harta yang sah di sisi syarak (*mal mutaqanwim*) namun tidak mempunyai nilai monetari (*thamaniyyah*).



**Rajah 2:** Hubungan konsep mata wang Islam dan mata wang kripto

Berdasarkan analisa yang telah dilakukan, mata wang kripto perlu memenuhi komponen-komponen yang telah ditetapkan untuk diterima sebagai mata wang yang sah di sisi Islam. Kewujudan unsur riba, *gharar* dan *maysir* dalam mata wang kripto bergantung kepada cara penggunaan dan transaksi yang dilakukan. Hal ini boleh dikawal oleh pengeluar mata wang kripto ataupun platform perdagangan (*exchange*) mata wang kripto. Di samping itu, mata wang kripto juga menepati konsep *mal* menurut jumhur iaitu sesuatu yang mempunyai nilai di kalangan manusia dan boleh dimanfaatkan (Sabri, 2010). Namun begitu, nilai monetari (*thamaniyyah*) serta fungsi mata wang kripto sebagai medium pertukaran dan pengukur nilai masih memerlukan kepada perbincangan yang lebih lanjut.

## KESIMPULAN

Perbincangan di atas melihat kepada konsep, syarat-syarat, ciri-ciri dan fungsi mata wang menurut Islam. Islam tidak menetapkan secara khusus tentang bentuk, jenis dan ciri-ciri mata wang menurut Islam. Walaupun emas dan perak digunakan sebagai mata wang di zaman awal Islam, namun mata wang tidak hanya terhad kepada kedua mata wang tersebut sahaja. Mata wang menurut Islam haruslah menepati syarat-syarat yang digariskan dalam sistem muamalat iaitu tiada unsur riba, *ghabar* dan *maysir*. Mata wang kripto sendiri tidak mempunyai unsur tersebut, namun unsur-unsur tersebut boleh datang daripada faktor luaran seperti tujuan penggunaan, spekulasi dan perdagangan di platform pertukaran mata wang kripto. Selain itu, mata wang kripto merupakan harta yang sah di sisi syarak (*mal mutaqaanwim*) namun tidak mempunyai nilai monetari (*thamaniyyah*) untuk dianggap sebagai mata wang.

Mata wang kripto diterima sebagai medium pertukaran dan alat pembayaran bagi sesetengah perniagaan seperti Tesla, Apple, Microsoft dan Paypal. Namun penerimaan terhadap mata wang kripto sebagai alat pembayaran masih belum meluas dan terhad dalam komuniti tertentu. Selain itu, mata wang kripto juga tidak boleh berfungsi sebagai pengukur nilai dan penyimpan nilai yang baik kerana ianya mempunyai nilai yang tidak stabil dan mudah meruap di samping faktor-faktor lain. Sehubungan itu, hasil kajian ini merumuskan bahawa mata wang kripto tidak memenuhi syarat, ciri dan fungsi mata wang sepenuhnya. Namun begitu, mata wang kripto berpotensi untuk menjadi alternatif kepada sistem mata wang sedia ada jika terdapat penambahbaikan dari beberapa aspek dalam sistem dan strukturnya. Aspek-aspek tersebut adalah dari sudut kestabilan nilai, penerimaan umum dan juga kawalan serta pengiktirafan daripada pihak kerajaan.

Seterusnya, berdasarkan pandangan dan perbahasan yang dinyatakan di atas, keharusan mata wang kripto sebagai mata wang adalah bergantung kepada penerimaan dan kawal selia oleh bank pusat. Sifat mata wang kripto berbeza daripada mata wang lain kerana ia tidak dikawal oleh bank pusat. Tambahan pula, kebanyakan sarjana Islam membincangkan penciptaan mata wang kripto yang tidak mempunyai nilai intrinsik dan mempersoalkan nilai mata wang kripto yang mudah meruap dan tidak stabil. Perbincangan berkaitan mata wang kripto sebagai mata wang memudahkan pemahaman terhadap evolusi dan perkembangan mata wang serta kegunaannya.

## RUJUKAN

- Ab Aziz, M. R., & Mustafar, M. Z. I. (2021). Perbankan digital Islam berasaskan maqasid syariah: Kajian literatur. *Al-Qanadir: International Journal of Islamic Studies*, 23(2), 63-73.
- Abd Rani, N. F., Seman, A. C., Ab Rahman, A., & Z'aba, M. R. (2021). A view point of Islamic Financial Technology (I-Fintech) in Malaysia. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society (LJMS)*, 15, 97-110.
- Abdullah, A. (2016). *The Islamic currency*. Kuala Lumpur: International Council of Islamic Finance Educators.
- Abū Ghuddah, A. S. (2018). Al-Nuqūd Al-Raqmiyyah Al-Ru'yah Al-Shar'iyah Wa Al-'āthār Al-Iqtisādiyyah [Digital Money: A Shari'ah Perspective And Economic Implications]. In *The Mu'tamar al-Dūḥah al-Rābi' Lil Māl al-Islāmī* (The 4th Doha Islamic Finance Conference), 9 January, Doha, Qatar.
- Abubakar, Y. S., Ogunbado, A. F., & Saidi, M. A. (2018). Bitcoin and its legality from Shariah point of view. *SEISENSE Journal of Management*, 1(4), 13-21.
- Acharya, S., Thomas, A., & Pani, B. (2018). Volatility of bitcoin and its implication to be a currency. *International Journal of Engineering Technology Science and Research*, 5(1), 1017-1024.
- Adam, F. (2018). The Shariah factor in cryptocurrencies and tokens. Shariyah Review Bureau. <https://shariyah.com/wp-content/uploads/2019/05/The-Shariah-factors-in-Cryptocurrencies-and-Tokens.pdf>
- Adam, F. (2019). Fatawa analysis of bitcoin. In M. M. Billah (Ed.), *Halal cryptocurrency management* (pp. 133-147). Cham: Palgrave Macmillan.

- Adam, M. F., & Barkatulla, M. A. K. (2019). Currency in Islamic law: A Sharī‘ah analysis of bitcoin. In U. A. Oseni & S. N. Ali (Eds.), *Fintech in Islamic finance* (pp. 120-130). New York: Routledge.
- Ali, R., Barrdear, J., Clews, R., & Southgate, J. (2014). The economics of digital currencies. *Bank of England Quarterly Bulletin*, 54(3), 276-286.
- Alouche, A. (1994). *Mamluk economics: A study and translation of Al-Maqrizī’s Ighatab*. University of Utah: Salt Lake City.
- Al-Qarahdāghī, A. M. D. (2018). Bitkoin Laisa Muḥarraman Bi Dhātih (Bitcoin is not forbidden in and of itself). Mawqi‘ Faḍīlah al-Shayekh ‘Alī Muḥyī al-Dīn Al-Qarahdāghī (The Official Website of His Eminence Dr. ‘Alī Muḥyī al-Dīn Al-Qarahdāghī). <https://alqaradaghi.com/10425/>
- Asif, S. (2018). The halal and haram aspect of cryptocurrencies in Islam. *Journal of Islamic Banking and Finance*, 35(2), 91-101.
- Bailey, R. E. (1995). A history of money: From ancient times to the present day. *The Economic Journal*, 105(430), 763–765. <https://doi.org/10.2307/2234525>
- Bakar, M. D. (n.d.). Cryptocurrency: An holistic and contemporary syariah analysis (Part V). Retrieved from <https://coin.my/op-ed/cryptocurrency-an-holistic-and-contemporary-syariah-analysis-part-v/>
- Böhme, R., Christin, N., Edelman, B., & Moore, T. (2015). Bitcoin: Economics, technology, and governance. *Journal of economic Perspectives*, 29(2), 213-238.
- Bordo, M. D. (2017). The operation and demise of the Bretton Woods system; 1958 to 1971. In N. R. Lamoreaux & I. Shapiro (Eds.), *The Bretton Woods agreements* (pp. 217-235). London: Yale University Press.
- Bouri, E., Gkillas, K., Gupta, R., & Pierdzioch, C. (2021). Forecasting realized volatility of bitcoin: The role of the trade war. *Computational Economics*, 57(1), 29-53.
- Brown, E. H. (2007). *Web of debt*. Louisiana: Third Millennium Press.
- Ciaian, P., Rajcaniova, M., & Kancs, D. A. (2016). The digital agenda of virtual currencies: Can Bitcoin become a global currency?. *Information Systems and e-Business Management*, 14(4), 883-919.
- Cooper, D. R., Schindler, P. S., & Sun, J. (2006). *Business research methods*. New York: McGraw-Hill.
- Dār al-Iftā al-Miṣriyyah. (2017, February). Al-Fatāwā: Tadāwul ‘Umlah al-Bitkoin wa al-Ta‘āmul Bihā (Sharī‘ah ruling: Trading and transactions with Bitcoin). Fatwā No. 4205. Dār al-Iftā al-Miṣriyyah.
- Davies, G. (2002). *History of money*. Wales: University of Wales Press.
- Didenko, A. N., & Buckley, R. P. (2018). The evolution of currency: Cash to cryptos to sovereign digital currencies. *Fordham International Law Journal*, 42(4), 1041-1095.
- Dong, X. (2020, February 10). Know your tokens: Defining “digital assets”. Techerati. <https://www.techerati.com/features-hub/opinions/know-your-tokens-defining-digital-assets-btw20-blockchain-technology-world-2020/>
- England, C., & Fratrick, C. (2018). Where to bitcoin? *Journal of Private Enterprise*, 33(1), 9-30.
- Evans, C. W. (2015). Bitcoin in Islamic banking and finance. *Journal of Islamic Banking and Finance*, 3(1), 1-11.
- Exner, H., Streek, A., Regenfuss, P., Ullmann, F., & Ebert, R. (2007). Sources of gold and silver in Islam according to al-Hamdānī. In *Virtual and Rapid Manufacturing* (pp. 491-500). New York: CRC Press.
- Farid, W., Mursyid. (2007). *Wakaf dan Kesejahteraan Umat (Filantropi Islam yang Hampir Terlupakan)*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Ghazanfar, S. M., & Islahi, A. A. (1997). *Economic thought of al-Ghazālī*. Jeddah: Scientific Publishing Centre King Abdulaziz University.

- Giudici, G., Milne, A., & Vinogradov, D. (2020). Cryptocurrencies: Market analysis and perspectives. *Journal of Industrial and Business Economics*, 47(1), 1–18. <https://doi.org/10.1007/s40812-019-00134-8>
- Global Legal Research Center (GLRC). (2018). Regulation Of Cryptocurrency Around The World. Law Library of Congress.
- Hasan, A. (2002). *al-Awrāq al-Naqdiyyah fi al-Iqtisād al-Islāmī: Qīmatuhā wa Ahkāmuhā*. Damsyik: Dār al-Fikr.
- Hosein, I. N. (2011). *The Gold Dinar and Silver Dirham Islam And The Future of Money*. Trinidad: Masjid Jamia.
- Houben, R., & Snyers, A. (2018). Cryptocurrencies And Blockchain. Legal Context And Implications For Financial Crime, Money Laundering And Tax Evasion, European Union.
- Ibn Khaldūn, ‘Abd Rahman bin Muhammad. (2004). *Muqaddimah Ibn Khaldūn*. Damsyik: Dār Ya‘rab.
- Ibn Qayyim, Muḥammad bin Abī Bakr al-Jawziyyah. (1991). *I‘lām al-Muwaqqi‘im*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ibn Rusyd, Muḥammad Bin Aḥmad Al-Qurtubī. (2004). *Bidāyah Al-Mujtahid Wa Nihāyah Al-Muqtasid*. Kaheerah: Dār Al-Hadīth.
- Ibn Taymīyah, Aḥmad bin ‘Abd al-Halīm. (1995). *Majmū‘ah al-Fatāwā*. Madinah: Majma‘ al-Malik Fahd li Ṭibā‘ah al-Muṣhaf al-Syarīf.
- Ichsan, M. (2020). Konsep Uang Dalam Perspektif Ekonomi Islam. *Profetika: Jurnal Studi Islam*, 21(1), 27-38. <https://doi.org/10.14421/pjiis.2020.211-03>
- Irfan, H., & Ahmed, D. (2019). Fintech: The Opportunity For Islamic Finance. In U. A. Oseni & S. N. Ali (Eds.), *Fintech In Islamic Finance* (pp. 19-30). New York: Routledge.
- Islahi, A. A. (1984). *Economic Thought Of Ibn Al-Qayyim*. Jeddah: ICRIE.
- Islahi, A. A. (2001). An Analytical Study of Al-Ghazali’s Thought on Money and Interest. In International Conference on Al-Ghazali’s Legacy: Its Contemporary Relevance. International Institute of Islamic Thought and Civilization, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Islahi, A.A. (2005). *Contributions Of Muslim Scholars To Economic Thought And Analysis (11-905 AH/632- 1500 AD)*. Jeddah: Scientific Publishing Centre King Abdulaziz University.
- Islam, M. H. (2016). Ibnu Taimiyah and his concept of economy. *Iqtishoduna: Jurnal Ekonomi Islam*, 5(1), 15-33.
- Jonker, J., & Pennink, B. W. (2010). The essence of methodology. In J. Jonker & B. Pennink (Eds.), *The essence of research methodology* (pp. 21-41). Berlin: Springer.
- Juliana, J. (2017). Uang dalam pandangan Islam: Kritik terhadap Konsep Grasham. *Amwaluna: Jurnal Ekonomi dan Keuangan Syariah*, 1(2), 217-230.
- Justin, B. (2019, February 14). Professor of Islamic economics: Bitcoin is a natural evolution of money. CryptoVibes. <https://www.cryptovibes.com/blog/2019/02/13/professor-of-islamic-economics-bitcoin-is-a-natural-evolution-of-money/>
- Kahf, M. (2019). Fatawa money exchange, Bitcoin, gold, sarf 2019. kahf.net. [http://monzer.kahf.com/fatawa/FATAWA\\_CURRENCIES\\_GOLD\\_COMMODITIE\\_S.pdf](http://monzer.kahf.com/fatawa/FATAWA_CURRENCIES_GOLD_COMMODITIE_S.pdf)
- Laldin, M. A., & Furqani, H. (2019). Fintech and Islamic finance: Setting the Shariah parameters. In U. A. Oseni & S. N. Ali (Eds.), *Fintech in Islamic finance* (pp. 113-119). New York: Routledge.
- Lietaer, B. (2001). The future of money: Towards new wealth, work and a wiser world. *European Business Review*, 13(2).
- Lo, S., & Wang, J. C. (2014). Bitcoin As Money? Policy Paper for Federal Reserve Bank of Boston.
- Mahomed, Z., & Mohamad, S. (2016). Financial innovation and riding the fintech wave. *CLAWM Bulletin*, 2, 9-12.
- Mahomed, Z., & Mohamad, S. (2017). Crypto mania: The Shariah verdict. *CLAWM Bulletin*, 3, 33-36.

- Mālik bin Anas bin Mālik. (1994). *Al-Mudawwanah*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Manan, M. A. (1986). *Islamic Economics, Theory and Practice*. Cambridge: Hodder & Stoughton.
- Mansur, A. (2009). Konsep uang dalam perspektif ekonomi Islam dan ekonomi konvensional. *al-Qanun: Jurnal Pemikiran dan Pembaharuan Hukum Islam*, 12(1), 155-179.
- Nabilou, H. (2019). How to regulate bitcoin? Decentralized regulation for a decentralized cryptocurrency. *International Journal of Law and Information Technology*, 27(3), 266-291.
- Nakamoto, S. (2008). *Bitcoin: A peer-to-peer electronic cash system*. Retrieved from <https://Bitcoin.org/Bitcoin.pdf>
- Oziev, G., & Yandiev, M. (2017). Cryptocurrency from Shari'ah perspective. SSRN. <https://ssrn.com/abstract=3101981>
- Perkins, D. W. (2018). *Cryptocurrency: The economics of money and selected policy issues*. US Congressional Research Service.
- Quoc, N. A. (2021). The nature of money. *Linguistics and Culture Review*, 5(S3), 619-634.
- Rani, M. A. H. C., & Salleh, A. D. (2019). Analisis Syariah terhadap kedudukan bitcoin sebagai alat pembayaran. *Journal of Contemporary Islamic Law*, 4(2), 46-64. <https://doi.org/10.2139/ssrn.3357591>
- Rani, M. A. H. C., & Salleh, A. D. (2019). Bitcoin: Analisis mata wang maya menurut perspektif Siyāsah Shar'iyah. *Journal of Contemporary Islamic Law*, 4(1), 29-40. <https://doi.org/10.2139/ssrn.3357581>
- Rosele, M. I., Mohd Azam, N. A., Mohd Shariff, N. F., & Zakaria, R. (2022). The concept of wealth (māl) in the Shari'ah and its relation to digital assets. *SAGE Open*, 12(2). <https://doi.org/10.1177/21582440221102424>
- Sabri, H. (2010). Takrifan mal (harta) menurut sarjana Asia Barat dan implikasinya terhadap transaksi masakini. *International Journal of West Asian Studies*, 2(1), 1-18.
- Selcuk, M., & Kaya, S. (2021). A critical analysis of cryptocurrencies from an Islamic jurisprudence perspective. *Turkish Journal of Islamic Economics*, 8(1), 137-152. <https://doi.org/10.30587/tjie.v8i1.130>
- Shapiee, R., & Zahid, A. (2014). Addressing economic meltdown: An evaluation of fiat and credit money from Islamic perspective. *US-China Law Review*, 11, 182.
- Sifat, I. M., & Mohamad, A. (2018). From metal to paper: Validating paper money from Islamic perspective. *International Journal of Ethics and Systems*, 34(1), 2-19. <https://doi.org/10.1108/IJOES-06-2017-011>
- Siswanto, D., Handika, R., & Mita, A. F. (2020). The requirements of cryptocurrency for money, an Islamic view. *Heliyon*, 6(1), 1-9. <https://doi.org/10.1016/j.heliyon.2019.e03174>
- Suar, A., Meirison, M., Elfia, E., & Hayati, I. (2020). Al Maqrizi's View on Islamic Economy and Its Relevance to Covid-19 Pandemic in Indonesia. *Nurani: Jurnal Kajian Syari'ah dan Masyarakat*, 20(1), 83-96.
- Takiddin, T. (2014). Uang dalam perspektif ekonomi Islam. *SALAM: Jurnal Sosial dan Budaya Syar-i*, 1(2), 205-212. <https://doi.org/10.15408/sjsbs.v1i2.1539>
- Wartoyo, W., & Haerisma, A. S. (2022). Cryptocurrency in the perspective of maqasid al-shariah. *Afkaruna: Indonesian Interdisciplinary Journal of Islamic Studies*, 18(1), 110-139.
- Yaacob, S. E. (2009). Sejarah dinar emas dan kronologi pertukaran mata wang dunia. *Journal of al-Tamaddun*, 4(1), 107-127.
- Yonifia, I. (2021). Conception of money in Islamic economic dimension. *Talaa: Journal of Islamic Finance*, 1(2), 121-132.
- Yuneline, M. H. (2019). Analysis of cryptocurrency's characteristics in four perspectives. *Journal of Asian Business And Economic Studies*, 26(2), 206-219. <https://doi.org/10.1108/JABES-12-2018-0107>
- Yusof, M. F. M., Borhan, J. T., & Romli, N. (2016). Pemikiran ekonomi Al-Ghazali dalam teori kewangan. *UMRAN-International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 3(3), 79-95.



Zulkifli, M. A. (2018). Bayan Linnas #153: Hukum Penggunaan Mata Wang Bitcoin. Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. <https://www.muftiwp.gov.my/artikel/bayan-linnas/2773-bayan-linnas-153-hukum-penggunaan-mata-wang-bitcoin>.